

10/08/2005

AP-PENILAIAN

DASAR PEMBERIAN AP PERLU DINILAI SEMULA

KUALA LUMPUR, 10 Ogos (Bernama) -- Dasar pemberian Permit Import (AP) perlu dinilai semula kerana terdapat kelemahan dalam dasar sedia ada, demikian menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri hari ini.

Kenyataan itu berkata jemaah menteri dalam mesyuaratnya hari ini telah membincangkan secara terperinci isu berkaitan AP.

"Hasil daripada penilaian ini akan diambil kira dalam Dasar Automotif Nasional yang akan diumumkan bulan depan," kata kenyataan itu.

Kenyataan empat perenggan itu juga berkata buat masa ini Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz tidak perlu membuat kenyataan lanjut kepada pihak media mengenai isu itu sehingga dasar tersebut dikeluarkan.

Rafidah hari ini telah diminta untuk menjelaskan perkara tersebut kepada Jemaah Menteri.

Kontroversi berkaitan AP dibangkitkan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir berkata pemberian AP tidak terkawal oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah menyebabkan pengimportan kereta murah yang ditipu perisytiharan yang menjejaskan jualan kereta nasional.

Bekas perdana menteri itu juga mempertikaikan kenapa AP dimonopoli oleh peniaga Bumiputera tertentu.

Susulan daripada itu, Jabatan Perdana Menteri telah mengeluarkan senarai penerima AP bagi tahun 2004 dan 2005.

Daripada 67,000 AP dikeluarkan pada tahun ini, lebih 28,000 diberi kepada tiga individu iaitu Tan Sri Nasimuddin SM Amin, Datuk Syed Azman Syed Ibrahim dan Datuk Mohd Haniff Abdul Aziz.

Mengenai Dasar Automotif Nasional, kenyataan itu berkata draf pertama telah disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

"Jemaah Menteri berpendapat draf tersebut perlu dihalusi dengan lebih teliti. Oleh itu, sebuah jawatankuasa di bawah Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan bagi mengadakan perbincangan untuk menggubal Dasar Automotif Nasional," katanya.

Jawatankuasa tersebut akan mengambil kira pandangan dan cadangan daripada semua pihak.

Menurut kenyataan itu lagi jawatankuasa berkenaan akan dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan dianggotai menteri-menteri yang terbabit.

"Dasar yang akan dikeluarkan nanti akan menangani semua masalah yang timbul berkaitan isu ini dan memelihara kedudukan Proton sebagai kereta nasional," katanya.

-- BERNAMA
MKO MAD AHM